


# Format Peperiksaan Bahasa Malaysia Tingkatan 4 / SPM



# Kertas 1

## Bahagian A : Karangan Bahan Rangsangan

### Panduan Menulis:

1. Baca dan fahami arahan soalan serta kenal pasti kehendaknya.
2. Teliti tajuk dan bahan rangsangan yang disediakan dan kaitkannya dengan kehendak soalan.
3. Analisis bahan rangsangan yang diberikan dengan kritis dan analitis agar karangan anda tidak terpesong daripada kehendak soalan.
4. Analisis anda hendaklah merangkum kata kunci, skop soalan, dan kehendak soalan.
5. Sediakan rangka karangan seringkasa mungkin, frasa, atau poin penting sahaja.
6. Pastikan bahawa tiga komponen utama dipenuhi, iaitu pendahuluan, isi-isi penting, dan penutup.
7. Pendahuluan hendaklah menyentuh pernyataan tentang tajuk bahan rangsangan dan isu yang berkaitan dengannya secara umum.
8. Tulis isi karangan dalam beberapa perenggan.
9. Setiap perenggan perlu ada satu isi utama dan kembangkan isi utama dengan fakta utama, huraian, contoh, serta kesimpulan.
10. Buatlah kesimpulan atau rumusan berserta dengan cadangan dan harapan bagi keseluruhan isi yang telah anda huraikan.
11. Perenggan penutup haruslah mantap dan tepat.
12. Semaklah ejaan, tanda baca, dan struktur ayatnya.
13. Pastikan bahawa jumlah kata karangan anda antara 200 hingga 250 patah perkataan.
14. Catat jumlah kata di dalam kurungan di sudut kanan baris akhir karangan.
15. Jika jumlah katanya kurang daripada yang ditetapkan, lakukanlah penambahan kata-kata yang perlu bagi memaksimumkan karangan anda.

### Skema pemarkahan:

#### A : 26 – 30 markah

- a. Isi relevan dengan tema bahan rangsangan.
- b. Huraian jelas dan matang
- c. Penggunaan bahasa yang gramatis dari segi kosa kata dan ayat serta penggunaan tanda baca yang betul.
- d. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan penggunaan ungkapan yang menarik.

**B : 20-25 markah**

- a. Isi berkaitan dengan tema dan bahan rangsangan.
- b. Huraian jelas.
- c. Bahasa masih gramatis dari segi kosa kata dan ayat
- d. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi

**C : 15 – 19 markah**

- a. Isi masih berkaitan dengan tema bahan rangsangan.
- b. Huraian masih jelas
- c. Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat
- d.. Unsur bahasa masih bervariasi

**D : 10 – 14 markah**

- a. Isi kurang berkaitan dengan bahan rangsangan
- b. Kurang kepelbagaian jenis ayat
- c. Penggunaan kosa kata yang terhad dan penggunaan yang tidak tepat.
- d. Unsur bahasa kurang bervariasi


**E : 01 – 09 markah**

- a. Penguasaan kemahiran menulis lemah
- b. Tidak memahami tema bahan rangsangan.


## Latihan:

Gambar di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada cara mempengaruhi masyarakat membeli barangan buatan tempatan. Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah menjayakan Kempen Beli Barangan Malaysia. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan. [30 markah]

### KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA



Penjualan Barangan Tempatan di Pasar Raya Besar




Ekspo Barangan Buatan Tempatan .



Kempen di Media Massa

## Peta Minda



## Bahagian B : Karangan

### Panduan menulis :

1. Pilih soalan yang bersesuaian dengan pemahaman, pengetahuan, dan keupayaan anda.
2. Soalan-soalan yang dikemukakan pula terbahagi kepada lima dimensi, iaitu:
  - (a) dimensi diri;
  - (b) dimensi keluarga;
  - (c) dimensi masyarakat / negara;
  - (d) dimensi antarabangsa; dan
  - (e) dimensi kesusasteraan.
3. Pastikan anda mengetahui bentuk dan format karangan tersebut.
4. Fahami kata kunci karangan yang secara jelas menerangkan jenis karangan.
5. Kenal pasti kehendak soalan seperti kata kunci, skop, dan tema.
6. Garisi kehendak soalan supaya fokus anda tidak tersasar semasa anda menulis karangan.
7. Pastikan bahawa karangan anda terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu:
  - (a) pendahuluan - satu isi
  - (b) isi-isi penting - lima isi
  - (c) penutup - satu isi
8. Sertakan contoh dan huraian yang sesuai. Gunakan formula ini:

Isi = Fakta Utama + Huraian + Contoh + Kesimpulan

### 9. Skema pemarkahan:

- a. Takrif : 10%
- b. Isi : 25%
- c. Bahasa : 45%
- d. Pengolahan : 20%
- (**JUMLAH : 100%**)
- e. Pemotongan: (-1 untuk setiap kesalahan ejaan (Maksimum -5). Kesalahan format maksimum -4)

### Gred:

- A : 75% - 100%
- B : 60% - 74%
- C : 40% - 59%
- D : 30% - 39%
- E : 0% - 29%

# Teknik Menulis Perenggan

## PENDAHULUAN

Jenis-jenis pendahuluan :-

- (i) pendahuluan jenis definisi
- (ii) pendahuluan jenis pendapat
- (iii) pendahuluan jenis suasana
- (iv) pendahuluan jenis persoalan
- (v) pendahuluan jenis peribahasa

### (i) PENDAHULUAN JENIS DEFINISI

- memberikan takrif • makna • definisi

Contoh : Jenayah ditakrifkan sebagai perbuatan yang melanggar undang-undang atau peraturan. Jenayah bukan sahaja membabitkan orang dewasa malahan golongan remaja juga. Menurut kajian polis, jumlah kes jenayah telah bertambah daripada 40 021 kes pada tahun 1997 kepada 43 210 kes pada tahun 1998. Di samping itu, kesalahan yang dilakukan juga semakin serius dari semasa ke semasa.

### (ii) PENDAHULUAN JENIS PENDAPAT

- menyatakan pendapat seseorang tokoh

Contoh : Menurut Y.A.B Datuk seri Dr. Mahathir Mohamad, pencemaran alam sekitar berpunca daripada kegiatan pembangunan. Walau bagaimanapun pembangunan tidak boleh dihentikan sama sekali. Apa yang perlu adalah dengan mengurangkan pencemaran tetapi dalam masa yang sama meneruskan pembangunan.

### (iii) PENDAHULUAN JENIS SUASANA

- menggambarkan sesuatu melalui suasana yang sesuai.

Contoh : Bas yang berhawa dingin terus berlalu menyusur jalan yang bengkok-bengkok dengan perlahan sekali. Rasa mual dan mengantuk hilang apabila kami dihiburkan oleh abang-abang yang memandu kami. Sepanjang perjalanan ke puncak Bukit Fraser , sepasang anak mataku sempat mengintai hutan rimba yang akan kami lalui nanti.

### (iv) PENDAHULUAN JENIS PERSOALAN

- mengemukakan beberapa ayat tanya yang berkaitan dengan tajuk

Contoh: Setiap orang memerlukan kecemerlangan untuk menjamin kejayaan bagi diri mereka. Apakah yang dikatakan kecemerlangan ? Apakah dengan kecemerlangan boleh membuatkan seseorang itu berjaya ? Apakah dengan berdiam diri sahaja tanpa sebarang usaha seseorang itu boleh mencapai kecemerlangan ? Soalnya , apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kecemerlangan ?

### (v) PENDAHULUAN JENIS PERIBAHASA

- memasukkan satu atau lebih peribahasa Melayu yang sesuai.

Contoh: Peribahasa Melayu ' ringan sama dijinjing, berat sama dipikul' dan 'seperti aur dengan tebing ' amat sesuai ke arah mewujudkan masyarakat penyayang yang anggota-anggotanya mengamalkan sifat-sifat yang menggambarkan wujudnya hubungan kasih sayang dalam sesebuah komuniti.

## ISI

Jenis-jenis perenggan:

- perenggan deduktif
- perenggan induktif
- perenggan gabungan induktif dan deduktif

### PERENGGAN DEDUKTIF

- isi penting huraian isi contoh-contoh

Contoh soalan : Laporan tentang punca-punca pelajar kurang berminat menggunakan perpustakaan sekolah. Punca pertama, walaupun pihak perpustakaan telah cuba sedaya upaya mendapatkan buku-buku untuk kegunaan pelajar, tetapi kebanyakan buku yang disediakan sudah terlalu lama. Isi buku-buku tersebut sudah ketinggalan zaman dan tidak dapat memenuhi keperluan pelajar. Lagipun terdapat banyak buku yang mengalami kerosakan . Contohnya, masih terdapat buku-buku yang diterbitkan pada tahun 60-an dan 70-an. Isi Buku yang disediakan sudah terlalu lama Huraian Isi buku-buku tersebut sudah ketinggalan zaman dan tidak dapat memenuhi keperluan pelajar. Lagipun terdapat banyak buku yang mengalami kerosakan Contoh Contohnya, masih terdapat buku-buku yang diterbitkan pada tahun 60-an dan 70-an.

### PERENGGAN INDUKTIF

- huraian isi contoh-contoh isi penting

Contoh soalan : Sebab-sebab berlakunya kemalangan jalan raya. Selekoh yang tajam, jalan berlopak, cahaya lampu, cahaya matahari, dan hujan juga merupakan punca terjadinya kemalangan jalan raya . Misalnya, jalan menuju ke Genting Highland mempunyai banyak selekoh yang tajam dan berbahaya kepada pengguna jalan tersebut. Jelaslah kepada kita bahawa faktor alam dan keadaan jalan raya itu sendiri juga merupakan punca berlakunya kemalangan jalan raya di negara ini. Huraian Selekoh yang tajam , jalan berlopak, cahaya lampu, cahaya matahari, dan hujan juga merupakan punca terjadinya kemalangan jalan raya. Contoh Misalnya, jalan menuju ke Genting Highlands Isi Jelaslah kepada kita bahawa faktor alam dan keadaan jalan raya itu sendiri juga merupakan punca berlakunya kemalangan jalan raya di negara ini.

### PERENGGAN GABUNGAN INDUKTIF DAN DEDUKTIF

- isi penting huraian isi contoh-contoh isi penting

Contoh Soalan: Mengatasi masalah inflasi. Akhirnya, usaha yang sepatutnya dilakukan oleh kerajaan dalam menangani masalah ini ialah melalui kempen. Kempen yang dijalankan secara bersungguh-sungguh serta mendapat sokongan daripada semua pihak sudah tentu akan memberi kesan dan kesedaran yang positif kepada para pengguna. Misalnya , dengan menghidupkan semula laungan, "Belilah Barangan Buatan Malaysia". Oleh itu, kempen –kempen yang terancang hendaklah dilaksanakan dengan kadar yang segera agar pengguna dapat disedarkan daripada lena yang panjang. Isi Akhirnya, usaha yang sepatutnya dilakukan oleh kerajaan dalam menangani masalah ini ialah melalui kempen. Huraian Kempen yang dijalankan secara bersungguh-sungguh serta mendapat sokongan daripada semua pihak sudah tentu akan memberi kesan dan kesedaran yang positif kepada para pengguna. Contoh misalnya , dengan menghidupkan semula laungan, "Belilah Barangan Buatan Malaysia". Isi Oleh itu, kempen-kempen yang terancang hendaklah dilaksanakan dengan kadar yang segera agar pengguna dapat disedarkan daripada lena yang panjang.

## PENUTUP -

Kesimpulan mestilah lembut tetapi berkesan -

Jangan mengulangi isi-isi yang telah dikemukakan -

Gunakan penanda wacana yang sesuai

Contoh :-

(i) **Kesimpulannya**, kita perlulah berhati-hati apabila menerima kedatangan pekerja asing kerana pelbagai masalah sosial yang dibawa oleh mereka. Mereka seharusnya ditapis sebelum diterima bekerja di sini.


(ii) **Oleh hal yang demikian**, marilah kita bersama-sama menjadi pengguna yang bijak dan bergabung tenaga untuk membanteras inflasi. Ini sejajar dengan wawasan Perdana Menteri kita yang berkeyakinan bahawa inflasi di Malaysia boleh mencapai nilai 0%.

(iii) **Jelaslah kepada kita bahawa** semua pihak memainkan peranan yang penting dalam usaha membantu kerajaan membendung masalah inflasi merupakan masalah kita bersama. Masalah inflasi tidak akan menjadi gawat dan membimbangkan sekiranya semua pihak mempunyai kesedaran.

(v) **Natijahnya**, sektor perindustrian bukan sahaja mendorong pertumbuhan ekonomi negara malah menggembelng tenaga belia ke arah penerokaan suatu bidang baru . Oleh itu, langkah-langkah yang sewajarnya harus diambil oleh pihak kerajaan bagi membendung pelbagai masalah negatif dalam sektor ini untuk menjamin keutuhan dan kejayaan sektor perindustrian di Malaysia.


(vi) **Pada keseluruhannya**, lawatan sambil belajar itu sungguh berjaya. Menurut beberapa orang ahli yang ditemu ramah, mereka sedar bahawa kegiatan penubaaan ikan merupakan satu cara yang tidak bermoral. Sebaliknya , penternakan ikan di dalam sangkar perlu digalakkan bagi mendapatkan hasil yang lumayan di samping dapat mengelakkan keracunan dan pencemaran sungai.

# Jenis ayat dalam penulisan karangan



Latihan:

2 Laman blog atau laman sesawang kini menjadi medium untuk berkongsi dan menyebarkan pelbagai maklumat. Berikan pendapat anda tentang kebaikan dan keburukan kemudahan laman sesawang dan blog.



# Peribahasa

\*A

## **abu di atas tunggul**

Maksud: Hilang dengan mudah, iaitu pada bila-bila masa sahaja boleh tercampak atau terbang.

## **ada air, ada ikan**

Maksud: Jika ada negeri, akan ada rakyatnya.

## **ada angin, ada pohonnya**

Maksud: Segala hal ada mula atau sebabnya.

## **ada gula, ada semut**

Maksud: Sekiranya sesuatu tempat itu makmur, akan ramailah orang datang untuk mendapatkan pekerjaan atau kalau orang itu kaya, akan ramailah kawannya.

## **ada kerak, ada nasi**

Maksud: Setiap kejadian tentu ada kesannya.

## **ada padang, ada belalang**

Maksud: Setiap negeri atau kampung mestilah ada penduduknya.

## **ada padi jadi, ada beras deras**

Maksud: Sekiranya kita mempunyai harta dan wang ringgit, segala keinginan dapat dicapai dengan mudah dan cepat.

## **ada pasang surutnya**

Maksud: Hidup ini tidak pernah lari daripada untung dan rugi. Seketika untung dan pada masa yang lain rugi. Begitulah sebaliknya, jika pernah rugi, pasti akan ada untung.

## **ada sampan hendak berenang**

Maksud: Ada cara yang senang tetapi sengaja hendak bersusah payah.

## **ada tangga hendak memanjat tiang**

Maksud: Berbuat sesuatu tidak mengikut peraturan, lebih suka mencari kesusahan walaupun ada jalan mudah.

## **adat juara kalah menang**

Maksud: Dalam setiap pertandingan atau pekerjaan mesti ada kalah menang atau untung rugi.

## **ada ubi ada batas, ada hari boleh balas**

Maksud: Sesiapa berbuat sesuatu tentu akan ada balasannya.

## **ada udang di sebalik batu**

Maksud: Ada sesuatu maksud yang tersembunyi di sebalik sesuatu perbuatan.

## **air beriak tanda tak dalam**

Maksud: Orang yang bercakap besar atau suka meninggi diri sedangkan ilmu yang dimiliki tidaklah setinggi mana.

**air besar sampan tak hanyut**

Maksud: Maksud yang tidak tercapai.

**air dicencang tiada putus**

Maksud: Hubungan adik-beradik atau saudara-mara tidak akan dapat dirosakkan atau diputuskan dengan mudah.

**air digenggam tak tiris**

Maksud: Orang yang sangat kikir atau kedekut.

**air diminum rasa duri, nasi dimakan rasa sekam**

Maksud: Orang yang berdukacita atau susah hati sehingga tidak lalu makan.

**air jernih, ikannya jinak**

Maksud: Negeri yang aman dan penduduknya baik-baik belaka.

**air pun ada pasang surutnya**

Maksud: Keadaan pangkat atau kekayaan seseorang itu tidak tetap begitu selama-lamanya.

**air setitik dilautkan, tanah sekepal digunungkan**

Maksud: Membesar-besarkan perkara yang kecil.

**Air surut kapar hilir bersama, air pasang ia sangkut**

Maksud: Dalam usaha yang tidak menguntungkan diajak bersama-sama tetapi apabila usaha itu berhasil dia ditinggalkan.

**Air susu dibalas dengan air tuba**

Maksud: Kebaikan dibalas dengan kejahatan.

**air tenang jangan disangka tiada buaya**

Maksud: Orang pendiam jangan disangka bodoh dan penakut.

**air tenang menghanyutkan**

Maksud: Orang pendiam mampu melakukan pekerjaan yang berat dan sukar.

**alah bisa tegal (kerana) biasa**

Maksud: Segala kesusahan biasanya akan dirasai pada peringkat awal, setelah sudah biasa, kesusahan itu tidak terasa lagi.

**alah membeli menang memakai**

Maksud: Walaupun harga sesuatu barang itu mahal sedikit, namun berbaloi kerana rupanya cantik dan tahan lama.

**alang-alang berdakwat, biar hitam**

Maksud: Mengerjakan sesuatu janganlah separuh jalan atau tidak bersungguh-sungguh, kalau tidak maksud tidak akan tercapai.

**alang-alang berminyak, biar licin**

Maksud: Mengerjakan sesuatu janganlah setengah-setengah, biar bersungguh-sungguh sehingga mencapai maksud.

**alang-alang mandi, biar basah**

Maksud: Mengerjakan sesuatu janganlah setengah-setengah, biarlah bersungguh-sungguh sehingga mencapai maksud.

**alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan**

Maksud: Kalau berbuat jahat biarlah sampai beroleh faedahnya.

**anak ayam kehilangan ibu**

Maksud: Berpecah-pecah kerana hilang tempat pergantungan.

**anak di pangku dilepaskan, beruk di rimba disusui**

Maksud: Mementingkan orang lain sehingga mengabaikan hal atau keperluan sendiri.

anak sendiri disayang, anak tiri dibengkeng

Maksud: Meskipun keadilan perlu, namun orang akan tetap mengutamakan kepentingan diri.

**anak sungai lagikan berubah, inikan pula hati orang**

Maksud: Hati manusia mudah berubah-ubah.

**anjing menyalak, tak akan menggigit**

Maksud: Orang yang bercakap besar sebenarnya tidak berbahaya.

**antah berkumpul sama antah, beras sama beras**

Maksud: Orang miskin akan diasingkan atau tersisih daripada orang kaya atau mulia.

**antan patah, lesung hilang**

Maksud: Mengalami pelbagai kesusahan dan kecelakaan.

**api semasa kecil menjadi kawan, apabila besar menjadi lawan**

Maksud: Kejahatan yang kecil hendaklah diperbaiki, jika tidak dibendung akan besarlah kecelakaannya.

**arang habis besi binasa**

Maksud: Wang telah habis dibelanjakan tetapi pekerjaan yang diusahakan tidak berhasil.

**asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau**

Maksud: Yang baik itu walau di mana-mana pun tempatnya akan menjadi baik juga.

**ayam baru belajar berkokok**

Maksud: Baru sampai umur dan masih muda tetapi sudah menginginkan perempuan.

**Ayam berkokok hari siang**

Maksud: Sesuatu yang sudah ada tanda-tanda jelas.

**ayam bertelur di atas padi, mati kelaparan**

Maksud: Orang yang menderita kesusahan di tempat yang mewah.

**ayam bertelur sebiji riuh sekampung, penyu bertelur beratus tiada seorang pun tahu**

Maksud: Mendapat kekayaan yang sedikit sudah dihebohkan sedangkan orang yang memang kaya tidak pula menghebahkannya.

**ayam ditambat, disambar helang**

Maksud: Sesuatu yang sudah menjadi milik sendiri tiba-tiba dirampas oleh orang yang lebih bijak atau berkuasa.

**ayam terlepas, tangan berbau tahi**

Maksud: Sesuatu yang dihajati tidak diperoleh tetapi malu yang diterima.